

Senjata api dirampas boleh digunakan

BH 26 SEP 2000

TUMPAT, Isnin - Mahkamah Koroner di sini hari ini, diberitahu empat senjata api yang ditemui di tempat polis menembak mati enam lelaki di Kampung Nering, Kilometer 25, Jalan Kota Bharu-Pengkalan Kubur, kira-kira dua tahun lalu, boleh berfungsi untuk melepaskan tembakan.

Cif Inspektor Mohd Ismail Othman, 37, dari cawangan Persenjataan (Operasi) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Kelantan, berkata keempat-empat barang kes itu diterima daripada Pegawai Turus Logistik Persenjataan IPPK Kelantan, Asisten Superintendan Mohd Razali Samat, pada 29 Oktober 1998.

Menurutnya, senjata api itu ialah sepucuk Revolver .38 dengan nombor siri; sepucuk pistol buatan sendiri 12 bore bertulis 'Made In Thailand' di belakang kiri laras tanpa nombor siri; sepucuk pistol buatan sendiri 12 bore tanpa nombor siri dan sepucuk pistol 'Unique' 7.65mm tanpa nombor siri.

"Ujian terhadap semua senjata itu dilakukan pada 29 Oktober 1998, kira-kira jam 12 tengah hari di lapang sasaran Gunung Bachok, menggunakan peluru hidup yang turut ditemui di tempat kejadian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi keterangan sebagai saksi dalam perbicaraan berhubung inkues di hadapan Majistret Ahmad Bazli Bahrudin yang bertindak sebagai Koroner dan dibantu Timbalan Pendakwa Raya, Azman Abdullah.

Peguam Mohd Apandi Ali hadir sebagai wakil peguam pemerhati bagi pihak Majlis Peguam manakala peguam G Naidu mewakili keluarga mangsa.

Inkues itu diadakan berikutan memorandum Mohd Apandi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri, tahun lalu.

Ia bertujuan mengetahui kejadian sebenar dan punca serta keadaan bagaimana keenam-enam lelaki terbabit mati dalam kejadian pada 3 Oktober 1998.

Menjawab satu soalan Azman, Mohd Ismail berkata senjata api model Revolver .38 itu adalah buatan Amerika Syarikat dan sepanjang pengetahuannya, pihak polis tidak dibekalkan dengan pistol jenis itu.

Katanya, beliau turut menjalankan ujian terhadap sembilan pucuk pistol model Auto Browning dan sepucuk pistol model Auto Walter yang digunakan oleh anggota polis ketika kejadian tembak-menembak itu.

Katanya, barangan kes itu diserahkan dalam sebuah kotak oleh Pemangku Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Tumpat (ketika itu), Inspektor Jamil Mohd Sahat.

Mohd Ismail berkata, kotak itu turut mengandungi 17 unit magazine Auto Browning 9mm dan dua unit magazine Auto Walter.

"Ujian dilakukan di lapang sasaran Gunung Bachok pada 14 November 1998 dari jam 9.30 pagi hingga 11 pagi dan saya mendapati semua senjata itu berada dalam keadaan baik serta boleh digunakan," katanya.

Beliau mengakui tidak dibekalkan peluru bagi tujuan itu dan memperolehnya dari stok ujian.

Dalam kejadian hampir dua tahun lalu, enam lelaki yang dipercayai terbabit dalam kumpulan penyeludupan senjata api, rompak dan dadah, ditembak mati dalam peristiwa berbalas tembak di kampung itu kira-kira jam 11.45 malam.

Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner 1 Datuk Mohd Yunus Othman, pada sidang akhbar keesokan harinya berkata, penjenayah terbabit cuba melawan polis dengan melepaskan beberapa das tembakan.

Perbicaraan bersambung Khamis ini.